

**UCAPAN OLEH KETUA MENTERI SEKEMBALI-
NYA DARI LONDON DI LAPANGAN TERBANG
SUNGAI BESI, KUALA LUMPUR PADA 3HB JUN,
1957**

Tuan Pengerusi, tuan-tuan sekalian yang hadir.

Dengan doa tuan-tuan sekalian, selamatlah rombongan kami yang pergi ke England baru-baru ini kembali ke tanahair. Di atas pekerjaan rombongan itu tuan-tuan sekalian tentu telah terbaca sedikit sebanyak daripada akhbar-akhbar apa yang telah dicapai. Memang tidak dapat kita mencapai seratus peratus sebagaimana kehendak kita sekalian tetapi jikalau sekiranya dapat setakat lapan puluh peratus pun dalam fikiran saya sudah memadai. Jadi setakat itulah yang dapat kita bawa dengan itu dapatlah kita membina kemerdekaan yang baru ini. Jadi apa-apa yang ternampak di hari hadapan yang tidak sesuai dengan kehendak kita bolehlah kita meminda, menambah atau memperbaikkannya lagi. Tiap-tiap perlembagaan yang telahpun disediakan sekarang ini bukanlah tidak boleh dipinda, diubahsuai atau diperbaiki lagi, semuanya dapat dibuat mengikut kehendak rakyat. Jadi setakat yang kita ada ini bolehlah kita mulakan kerja. Bagi memulakan kerja, kita memerlukan pengorbanan, kepercayaan dan keyakinan rakyat jelata dengan sepenuhnya. Kerana dengan sokongan seumpama itulah dapat kita sekalian bekerja bersungguh-sungguh untuk membangunkan negara yang baru.

Tentu kita terfikir bahawa kita ini belum biasa merdeka. Pada fikiran kita dan juga datuk nenek kita, kita ini akan dijajah selama-lamanya dari satu penjajah kepada yang lain. Oleh sebab itu bagi membangunkan sebuah negara yang merdeka timbullah perasaan was-was, curiga, takut dan bimbang. Saya berharap rakyat sekalian, janganlah kita berperasaan begitu. Percayalah kepada Allah Subhanahu Wataala, kerana tiap-tiap yang dibenarkan dan diizinkan tentulah dapat diperbaiki. Orang-orang Melayu, Cina, India dan lain-lain kaum yang hendak menumpukan taat setia dan tinggal bersama serta menumpu dan menumpahkan darah serta bekerja membanting tulang di negeri ini tinggal

lah dengan baik antara satu dengan lain, kerana negeri ini keadaannya adalah berlainan daripada mana-mana negeri yang ada di dalam dunia ini. Jadi dengan keadaan yang demikian tidaklah boleh satu bangsa hendak mengatasi dengan mendapat seratus peratus faedah untuk dirinya. Untuk membentuk sebuah kerajaan yang merdeka kita mestilah bertolak ansur, dan sanggup berkorban. Dengan pengorbanan inilah dapat kita membentuk satu negara yang menjadi satu contoh dan tauladan kepada dunia, sebagaimana semua bangsa boleh tinggal dan berbaik-baik antara satu dengan lain.

Kemerdekaan Malaya yang akan di istiharkan pada 31 haribulan ini akan menjadi satu negara yang paling baru sekali pada dunia. Mata dunia pada hari ini memandang kepada kita. Dunia tertanya-tanya sahaja bagaimanakah orang-orang Tanah Melayu akan mengorak langkah di negaranya yang baru ini. Apakah rupa gerak-geri orang-orang di Tanah Melayu ini, jadi di situ patutlah tuan-tuan sekalian menunjukkan gerak-geri dan langkah yang tertib dan baik supaya dunia boleh memuji keadaan ini. Saya sendiri percaya dan yakin bahawa Tanah Melayu ini akan menjadi satu negeri yang makmur, aman dan yang senang mendapatkan pertolongan, sokongan perkhidmatan dari segala bangsa yang mengaku taat setia kepada negara ini.

Di masa saya di England baru-baru ini, satu daripada persoalan yang besar yang telah dibincangkan ialah berkenaan dengan "dual citizenship" ataupun kerakyatan bercorak dua. Ini tidak dapatlah kita hendak memutuskannya tetapi satu sahaja yang dapat kita harapkan iaitu taat setia tidak boleh dibelahbagi. Barang siapa pun hendak menjadi rakyat Tanah Melayu mereka mesti menumpukan taat setia kepada Tanah Melayu sahaja, dan mereka kenalah bersumpah menolak sebarang taat setia kepada mana-mana negeri asal mereka. Bagi pihak rombongan atau ketua rombongan saya mengucapkan tahniah dan mengucapkan terima kasih kepada rombongan D.Y.M.M. Sultan yang termasuk sekali dengan rombongan kita ini yang telah bekerjasama dengan baik dan telah menolong kita supaya dapat kita membantu segala persoalan yang kita bawa dan yang kita hadapi di England. Di dalam mencari persetujuan perlembagaan yang baru sudah tentulah ada pertengkaran terjadi. Tetapi semasa di England tidak ada sesiapa pun yang tahu bahawa kita ini adalah daripada rombongan

yang mewakili Sultan ataupun rombongan yang mewakili orang-orang India, orang-orang China dan orang-orang Melayu. Kita bercakap dengan satu suara dan tumpuan kita hanyalah kepada Tanah Melayu sahaja, dengan harapan orang-orang di Tanah Melayu akan dapat bekerjasama pada masa hadapan, dapat tinggal bersama dengan baik dan percaya dengan pertolongan Allah Subhanahu Wataala Tanah Melayu boleh menjadi satu tauladan yang besar kepada dunia.

Dengan ini saya sekali lagi mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada tuan-tuan sekalian yang telah berhimpun sama ada lelaki, perempuan dan kanak-kanak dengan ber-susah-payah menyambut kedatangan saya dan rakan-rakan saya ini. Di atas doa tuan-tuan sekalian yang saya sebutkan tadi saya mengucapkan terima kasih dan segala pujian-pujian kepada Allah Subhanahu Wataalah serta bersyukur kepada Allah Subhanahu Wataalah kerana kami sekalian telah dapat menamatkan perundingan dengan Kerajaan British, perundingan yang telah bermula daripada tahun 1956 telah ditamatkan pada tahun 1957 bulan Mei ini, dan ini tidaklah ada lagi rombongan yang pergi untuk berunding mengensai perkara ini lagi. Lain-lain perkara terputanglah kepada rakyat negara ini sendiri memperbaiki kehidupan masing-masing. Terserahlah kepada Tuhan sahaja memberikan petunjuk kepada kita serta memelihara negara kita yang baru ini. Dengan itu saya tamatkan ucapan saya dengan memberikan salam kebangsaan kita tiga kali. Merdeka! Merdeka! Merdeka!

CATITAN: Ucapan ini telah diedit dari teks asalnya.